



LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA
FISHERIES DEVELOPMENT AUTHORITY OF MALAYSIA
Wisma LKIM, Jalan Desaria, Pulau Meranti
47120 PUCHONG
MALAYSIA



LKIM

Tel: 603-8064 9000
Faks (fax) : 603-8060 3546
Laman Web(web) : <http://lkim.gov.my>

LKIM:KEW.406(S)
966/781/3 Jld.8 ()
19 September 2019

KENYATAAN TAWARAN SEBUTHARGA (LKIM:S30/2019)

**Semua Pengarah Bahagian
Semua Pengarah LKIM Negeri
Semua Ketua Seksyen
Semua Pengurus Kompleks
Semua Pengurus Projek
Semua Pengurus Pusat Latihan
Semua Pegawai Dan Kakitangan LKIM**

Tuan,

TAWARAN BAGI SEBUTHARGA PENJUALAN KENDERAAN TERPAKAI – MITSUBISHI PAJERO WMJ 6758 (LKIM:S30/2019)

Dengan hormatnya saya diarahkan kepada perkara di atas dan memaklumkan bahawa Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia bercadang untuk menjual 1 unit kenderaan terpakai Mitsubishi Pajero nombor pendaftaran WMJ 6758. Butiran seperti di lampiran

No Pendaftaran : **WMJ 6758**

Model/Tahun : **MITSUBISHI PAJERO V31VNDERM V31V-03574 / 2004**
Di buat

Tempat : **LKIM WILAYAH 111 TAWAU**

Harga Lantai : **RM14,730.00**

Deposit : **10% daripada harga tawaran (bank draft sahaja)**

2. Tawaran adalah dipelawa dari pegawai dan kakitangan LKIM yang berminat untuk membeli kenderaan tersebut. Dokumen pelawaan boleh diperolehi secara percuma dengan memuat turun di laman web <http://www.lkim.gov.my> mulai **25 September 2019**.

3. Pegawai yang berminat dan hendak melihat kenderaan tersebut dibenarkan pada hari bekerja dari pukul 8.30 pagi sehingga 4.00 petang boleh menghubungi Puan Norshidah binti Joblis dari LKIM Wilayah 111 Tawau TB 4445, Lot 36, Tingkat 1, Blok F, Sabindo Square, Jalan Dunlop, 91000 Tawau.

4. Pegawai hanya dibenarkan mengemukakan satu tawaran sebharga sahaja. Dokumen tawaran yang telah lengkap diisi berserta deposit hendaklah di masukkan ke sampul surat bermeteri dengan menulis nombor dan tajuk sebharga di sudut atas sebelah kiri dan dimasukkan ke dalam peti tender di Bahagian Kewangan Dan Akaun, Ibupejabat LKIM, Tingkat Bawah, Wisma LKIM, Jalan Desaria, Pulau Meranti, 47120 Puchong, SELANGOR. Dokumen yang lewat diterima selepas tarikh dan masa sebharga ditutup adalah dikategorikan sebagai Sebharga lewat dan tidak akan dipertimbangkan.

5. Tarikh tutup tawaran ialah pada 15 Oktober 2019 jam 12.00 tengahari.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amarah,



(YUSOFF BIN OTHMAN)

Pengarah

Bahagian Kewangan & Akaun

LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA

s.k.

- i. Ketua Seksyen
Seksyen Pentadbiran
- ii. Pengarah
Bahagian Kejuruteraan

BORANG SEBUTHARGA BAGI TAWARAN PENJUALAN KENDERAAN TERPAKAI LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM : S30/2019)

Pengarah
Bahagian Kewangan Dan Akaun
Tingkat Bawah, Wisma LKIM
Jalan Desaria, Pulau Meranti,
47120 PUCHONG, SELANGOR

Tuan,

TAWARAN BAGI SEBUTHARGA PENJUALAN KENDERAAN TERPAKAI MITSUBISHI PAJERO WMJ 6758 (LKIM:S30/2019)

Merujuk perkara di atas, saya /syarikat berminat menyertai sebutbarga tersebut. Saya yang bertandatangan di bawah ini adalah dengan ini menawarkan untuk membeli kenderaan tersebut dengan harga sebanyak Ringgit Malaysia:(RM).....).

2. Bersama-sama ini disertakan deposit sebutbarga (sebanyak 10 % daripada harga tawaran kenderaan di atas) yang bernilai RM.....(Ringgit Malaysia :) dalam bentuk kiriman wang/ bank draf atas nama Ketua Pengarah Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia.

3. Saya/Syarikat memahami dan bersetuju dengan semua syarat-syarat yang di tetapkan.

Tempoh mengambil kenderaan ialah **4 minggu dari surat tawaran di keluarkan.**

Bertarikh padaharibulan.....2019.

.....
Tandatangan Penyebutharga

Nama Penuh: _____

No. K/P: _____

Alamat: _____

Atas sifat:.....

.....
Meterai atau Cap penyebutharga

MUSTAHAK – LIHAT SYARAT-SYARAT AM

SYARAT-SYARAT AM

Tertakluk kepada apa-apa syarat khas yang ditetapkan di tempat lain dalam pelawaan ini, syarat-syarat am yang berikut hendaklah dipakai, melainkan setakat mana syarat-syarat am itu ditolak atau diubah dengan khususnya oleh penyebutharga.

1. **KEADAAN KENDERAAN**

Kenderaan adalah dijual sepertimana keadaan kenderaan berada sekarang (as-is-where-is basic)

2. **HARGA**

Kenderaan akan dijual tertakluk kepada harga simpanan. Harga yang ditawarkan hendaklah harga bersih termasuk semua perbelanjaan dan pengangkutan yang berkaitan.

3. **DEPOSIT**

Penyebutharga adalah dikehendaki menyertakan deposit sebutharga sebanyak 10 % daripada harga tawaran kenderaan di atas. Deposit sebutharga hendaklah dalam bentuk kiriman wang/ bank draf atas nama LKIM KUMPULAN WANG MENGURUS.

4. **KOS-KOS LAIN**

Semua perbelanjaan berkaitan pembelian kenderaan seperti kos menanggal(dismantle), mengangkut dan sebagainya hendaklah di tanggung oleh penyebutharga sendiri.

5. **TAFSIRAN**

Sebutharga ini dan apa-apa kontak yang timbul daripadanya hendaklah diertikan mengikut dan dikawal oleh undang-undang Malaysia, dan penyebutharga bersetuju tertakluk hanya kepada bidang kuasa Mahkamah Malaysia sahaja dalam apa-apa pertikaian atau perselisihan jua pun yang mungkin timbul mengenai sebutharga ini atau apa-apa kontrak yang timbul daripadanya.

6. **HAK KERAJAAN UNTUK MENERIMA/MENOLAK SEBUTHARGA**

Kerajaan adalah berhak tidak terikat untuk menerima sebutharga yang terendah atau mana-mana sebutharga atau memberi apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu sebutharga. Keputusan Jawatankuasa Penilaian Sebutharga LKIM adalah Muktamad.

7. **PENYERAHAN DOKUMEN SEBUTHARGA**

- a. Dokumen Sebutharga yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri yang dicatatkan dengan bilangan **Sebutharga LKIM:S30/2019** serta tajuk sebutharga dan hendaklah dimasukkan ke dalam peti sebutharga pada masa dan tempat yang di tetapkan dalam Notis Sebutharga.
- b. Jika Dokumen Sebutharga tidak diserahkan dengan tangan, Penyebutharga hendaklah menghantar Dokumen tersebut dengan pos supaya tiba pada atau sebelum masa dan tempat yang ditetapkan.
- c. Sebutharga yang diserahkan selepas masa yang ditetapkan, berbangkit dari sebarang sebab, tidak akan dipertimbangkan.

8. **TEMPOH BAYARAN PENUH**

Penyebutharga yang berjaya hendaklah membuat pembayaran penuh dalam tempoh **4 minggu** dari tarikh surat tawaran dikeluarkan. Jika bayaran tidak dijelaskan dalam tempoh tersebut, deposit sebutharga tidak akan dikembalikan.

9. **TEMPOH MENGAMBIL KENDERAAN**

Penyebutharga yang berjaya hendaklah mengambil kenderaan dalam tempoh satu (1) minggu setelah pembayaran penuh dijelaskan. Jika tidak mengambil dalam tempoh tersebut bayaran tidak akan dikembalikan dan tawaran adalah di anggap terbatal.